

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (5)

11 Januari 2021
27 Jamadilawal 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1/2021

POLISI LIBAT SAMA KOMUNITI DAN INDUSTRI


Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Bil. 3/2020/2021/25 pada 30 Disember 2020 telah meluluskan Polisi Libat Sama Komuniti dan Industri Universiti Teknologi Malaysia.

2. Polisi ini bertujuan untuk menyokong Dasar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam memperkasakan ekosistem libat sama komuniti dan industri. Ia penting bagi memastikan warga Universiti dapat memacu dua (2) aktiviti teras utama iaitu pendidikan dan penyelidikan melalui inisiatif libat sama komuniti dan industri secara beretika, sistematik, inovatif, produktif dan berimpak untuk manfaat bersama.
3. Polisi ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti yang melaksanakan aktiviti libat sama komuniti dan industri.
4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Polisi Libat Sama Komuniti dan Industri yang berkuat kuasa bermula 1 Januari 2021.
5. Polisi ini boleh dimuat turun melalui pautan <https://registrar.utm.my/governan/polisi/>.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan-UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

MHYMTkms